



TEXT UCAPAN

YAB DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) ABANG HAJI

ABDUL RAHMAN ZOHARI BIN

TUN DATUK ABANG HAJI OPENG

PREMIER SARAWAK

SEMPENA

HARI SARAWAK 2024

22 JULAI 2024, BINTULU

UCAPAN KEPADA TUAN YANG TERUTAMA

1. Tuan Yang Terutama, Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr Haji Wan Junaidi bin Tuanku Ja'afar dan Yang Amat Berbahagia, Toh Puan Fauziah Mohd Sanusi.
2. Bagi pihak hadirin dan rakyat sekalian, kaula menjunjung kasih dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tun dan Toh Puan di atas kehadiran bersama rakyat sekalian untuk meraikan Hari Sarawak 2024 pada malam yang berbahagia ini.
3. Pertamanya, bagi pihak hadirin dan seluruh rakyat Sarawak, kaula mengucapkan selamat menyambut Hari Sarawak kepada Tun dan Toh Puan dengan iringan doa agar Sarawak terus maju dan makmur di bawah payung naungan Tun sebagai Ketua Negeri.
4. Keduanya, pada kesempatan ini juga, kaula ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tun yang telah dilantik sebagai Yang di-Pertua Negeri Sarawak Ke-8 mulai 26 Januari 2024.
5. Tidak dapat dinafikan bahawa pengalaman dan kelayakkan Tun dalam bidang keselamatan, perundangan, politik dan khidmat awam di peringkat persekutuan adalah begitu luas dan

sebagai anak Sarawak yang telah banyak berjasa kepada Sarawak dalam perjuangan untuk memartabatkan MA63, perlantikan Tun sebagai Ketua Negeri amat bertepatan sekali.

6. Di samping itu, sebagai seorang tokoh yang amat disenangani oleh rakyat, Tun merupakan payung penyatuan rakyat berbilang bangsa dan agama di Bumi Kenyalang ini.

7. Kaula dan seluruh rakyat Sarawak berdoa agar Tun dan Toh Puan sentiasa sihat walafiat dan sentiasa berada dalam peliharaan oleh Allah SWT.

8. Tuan Yang Terutama Tun, kaula sekarang mohon untuk berucap kepada hadirin sekalian.

(SALUTASI)

- YB Timbalan-Timbalan Premier Sarawak
- YB Speaker DUN Sarawak, Tan Sri Datuk Amar Mohamad Asfia bin Awang Nassar
- YB Menteri Sarawak dan Persekutuan
- YB Setiausaha Kerajaan Sarawak, Datuk Amar Mohamad Abu Bakar bin Marzuki
- YB Timbalan-Timbalan Menteri Sarawak dan Persekutuan
- YB Ahli-Ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri
- Ketua-Ketua Kaum dan Masyarakat
- Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati

MEMASYARAKATKAN “ HARI SARAWAK”

1. Pertamanya, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Sarawak 2024 kepada hadirin sekalian dan seluruh rakyat Sarawak yang dikasihi.

2. Pada tahun ini, Bintulu menjadi tuan rumah bagi sambutan Hari Sarawak 2024 dalam usaha berterusan untuk **memasyarakatkan pengertian** di sebalik sambutan Hari Sarawak yang diraikan pada 22 Julai tiap-tiap tahun sejak 2016.

3. Seperti umum sedia maklum, tarikh 22 Julai 1963 adalah tarikh bersejarah di mana Sarawak diberi kuasa untuk memerintah

diri setelah tujuh tahun berada di bawah pemerintahan British (1946-1963) selepas Perang Dunia Kedua.

4. Di sebalik tarikh bersejarah ini, rakyat Sarawak, khususnya generasi baharu harus memahami kedudukan Sarawak apabila bergabung dengan tiga wilayah lain untuk menubuhkan Malaysia pada tahun 1963. Dengan pemahaman ini saya yakin rakyat Sarawak sentiasa mempunyai motivasi yang kuat untuk memperkasakan wilayah ini sebagai kawasan yang mempunyai kemampuan untuk berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan kawasan-kawasan lain.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

SARAWAK WILAYAH BERDAULAT

5. Saya percaya kebanyakan rakyat Sarawak, khususnya generasi baharu tidak mengetahui bahawa Sarawak sudah mempunyai Perlembagaan sendiri pada 1941, iaitu selepas 100 tahun berada di bawah pemerintahan keluarga Brooke.

6. Penggubalan Perlembagaan ini sejajar dengan hasrat keluarga Brooke untuk menyerahkan pemerintahan Sarawak kepada rakyat Sarawak sendiri seperti yang dizahirkan dalam

Sembilan Prinsip Utama pemerintahan Brooke atau "The Nine Cardinal Principles."

7. Namun, penyerahan kuasa ini tidak menjadi kenyataan ekoran tercetusnya Perang Dunia Kedua. Selepas tamat perang, hasrat Sarawak memerintah diri tidak juga menjadi kenyataan kerana keluarga Brooke menyerahkan Sarawak kepada kuasa British yang dianggap lebih selamat kerana Sarawak sudah tidak mempunyai sumber yang mencukupi untuk mentadbir negeri ekoran perang yang telah berlaku.

8. Apa yang ingin saya nyatakan di sini ialah bahawa keadaan tidak menyebelahi Sarawak pada masa itu yang seharusnya menjadi wilayah bebas dan berdaulat lebih awal dari 1963.

9. Bertitik tolak daripada peristiwa-peristiwa bersejarah ini dan sempena sambutan Hari Sarawak pada tahun ini, saya ingin menegaskan bahawa usaha untuk memperingati Hari Sarawak bukan sekadar menyedarkan rakyat bahawa Sarawak telah diberi kuasa untuk memerintah diri atau *self-government* pada 22 Julai 1963 oleh pihak British.

10. Di sebalik pengertian kuasa *self-government* ini ialah bahawa Sarawak telah bergabung dengan wilayah-wilayah lain

untuk menubuhkan Malaysia sebagai sebuah **entiti politik yang berdaulat** melalui Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) seperti yang diiktiraf oleh Bangsa- Bangsa Bersatu atau United Nations pada ketika itu.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati,

STATUS RAKAN KONGSI TIDAK JEJAS HAK SARAWAK

11. Saya juga ingin menegaskan bahawa Sarawak **tidak melepaskan hak-haknya apabila menjadi rakan kongsi** dalam penubuhan Malaysia. Sebaliknya semua hak Sarawak seperti yang terkandung dalam lunas undang-undang Sarawak sebelum Malaysia akan kekal berkuatkuasa jika tidak dipinda di Parlimen dengan persetujuan Dewan Undangan Negeri Sarawak.

12. Sebagai contoh, arahan yang dibuat oleh Ratu Elizabeth atau Order in Council pada tahun 1954 berkenaan persempadanan Sarawak menyatakan bahawa sempadan laut Sarawak dipanjangkan sehingga ke pelantar benua termasuk dasar laut dan di bawah dasar laut. Inilah antara hak-hak yang dibawa oleh Sarawak ketika bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Singapura pada 16 September 1963 yang tidak boleh diserahkan kepada pihak lain. Ini adalah antara

perkara yang tidak boleh dirunding atau non-negotiable seperti yang saya tekankan sebelum ini.

14. Selain itu, Perlembagaan Persekutuan turut mengiktiraf bahawa wilayah bagi setiap negeri di Malaysia adalah seperti sebelum Hari Malaysia iaitu 16 September 1963. Mana-mana undang-undang yang digubal yang mengubah sempadan negeri tidak boleh diluluskan tanpa persetujuan Negeri tersebut. Ini mengukuhkan lagi pendirian kita mengenai hal-hal berkaitan sempadan ini adalah sesuatu yang tidak terbuka untuk dirunding.

15. Contoh kedua ialah berkenaan Kanun Tanah Sarawak, berkuatkuasa pada 1958 yang memberi Sarawak kuasa penuh untuk menguruskan apa-apa yang berada di bumi Sarawak yang merangkum sumber-sumber di pelantar benua, didasar laut dan di bawah dasar laut termasuk aktiviti penyimpanan karbon atau CCUS.

16. Hak perundangan mengenai tanah ini turut termaktub di bawah kuasa Negeri melalui Senarai Kedua, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, sehingga kini Kanun Tanah Negara tidak terpakai di Sarawak kerana Sarawak sudah mempunyai undang-undang tanah sedia ada dan terus terpakai selepas penubuhan Malaysia.

17. Contoh ketiga ialah Akta Pembangunan Petroleum 1974 (PDA 1974) yang tidak dapat menidakkan hak Sarawak ke atas sumber dan gas di luar pantai Sarawak. Selain itu, Territorial Sea Act (2012) yang menghadkan sempadan laut hanya sejauh 12 batu nautika juga tidak dapat menidakkan hak Sarawak ke atas persempadanan lautnya yang merangkumi kawasan luar pantai dan pelantar benua sejauh 200 batu nautika.

18. Contoh keempat ialah Ordinan Minyak dan Perlombongan Sarawak 1958 (OMO 1958) yang memberi kuasa kepada Sarawak untuk menguruskan dan membangunkan sumber minyak dan gasnya. Undang-undang ini tidak pernah dimansuhkan dan juga terpakai selepas penubuhan Malaysia sehingga bila-bila masa. Atas sebab ini, Sarawak berkuasa penuh ke atas perlombongan minyak didaratan Sarawak dengan projek pengerudian pertama di kawasan Selatan Marudi yang dikendalikan oleh Petros.

19. Ekoran daripada ini Kerajaan Sarawak mempunyai kuasa untuk menguruskan pengedaran gas atau sebagai "aggregator" di Sarawak melalui pindaan kepada Ordinan Pengedaran Gas 2016 (Gas Distribution Ordinance 2016). Pindaan ini telah berkuatkuasa mulai 1 Februari 2024. Kuasa ini melibatkan pengedaran di seluruh

Sarawak samada di luar pantai atau di daratan. Aktiviti pengedaran gas ini bukanlah suatu perkara yang baharu kerana penyaluran gas untuk kegunaan domestik sudah berlaku di bawah Shell di Miri sebelum penubuhan Malaysia lagi.

20. Pendek kata, sebagai sebuah wilayah berdaulat, Sarawak bercantum dengan wilayah-wilayah lain dengan membawa bersama semua aspek kedaulatan sebuah wilayah yang merangkumi ketua negeri, sistem kerajaan dan perundangan, persempadanan buminya yang jelas dan kependudukan yang juga jelas.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati,

SEMANGAT KERJASAMA, PERKONGSIAN

21. Saya ingin mengulangi kenyataan bahawa Sarawak tidak berniat untuk menjatuhkan mana-mana entiti nasional seperti yang coba ditularkan oleh pihak-pihak tertentu.

22. Saya amat berharap pihak-pihak tersebut tidak mempolitikkan hasrat rakyat Sarawak untuk sama-sama berkecimpung dalam industri minyak dan gas di negara ini kerana kuasa dan sumber negara ini harus dikongsi dengan lebih adil dan saksama.

23. Sarawak tidak boleh melakukan semuanya sendiri dan jalan yang paling bijak untuk Sarawak ialah melalui **perkongsian dan kerjasama** dengan entiti-entiti nasional dan juga entiti-entiti antarabangsa untuk mentranformasikan ekonomi negeri ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

PELABUHAN BINTULU

24. Sarawak tidak pernah menuntut hak daripada Kerajaan Persekutuan tetapi hanya mahu hak yang sedia ada dihormati dan ditunaikan. Pada Rabu minggu lepas Parlimen telah memansuhkan Akta Pelabuhan Bintulu (1981) dan ekoran ini Pelabuhan Bintulu akan diserahkan kepada Kerajaan Sarawak setelah 43 tahun berada di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan. Ini kerana Sarawak berhasrat untuk mengawal selia dengan lebih berkesan pelabuhan-pelabuhan yang terdapat di Sarawak melalui undang-undang Negeri ini sendiri iaitu satu ordinan yang telah digubal sebelum penubuhan Malaysia, Ordinan Lembaga Pelabuhan 1961. Kuasa bagi mengawal selia pelabuhan negeri turut termaktub di dalam Senarai Tambahan Negeri (Senarai IIA) di bawah Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

25. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Kerajaan Perpaduan pimpinan Datuk Seri

Anwar Ibrahim yang telah bersetuju untuk mengembalikan Pelabuhan Bintulu kepada Sarawak dengan memansuhkan akta tersebut. Namun, penyerahan itu bukanlah secara percuma kerana Sarawak perlu membayar pampasan kepada Kerajaan Persekutuan, khususnya mengambil pengambilan aset-aset.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati,

HUBUNGAN DENGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

26. Usaha Sarawak untuk mengembalikan hak-haknya tidaklah bermaksud Sarawak tidak prihatin terhadap kepentingan negara. Malah, saya dan rakan-rakan dalam GPS membawa Sarawak untuk menyokong Kerajaan Madani pimpinan PMX kerana akur bahawa Kerajaan Persekutuan hendaklah sebuah kerajaan yang stabil untuk menempuh masa depan yang penuh dengan cabaran.

27. Saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada PMX dengan barisan kabinet beliau kerana prihatin kepada usaha untuk menghormati perjanjian antara para pemimpin terdahulu ketika menubuhkan Malaysia. Dengan pengembalian hak-hak ini, saya amat yakin Sarawak boleh menjadi kuasa ekonomi baharu di negara ini dan juga di rantau Asia.

28. Saya juga amat yakin bahawa jika Sarawak maju, Malaysia secara keseluruhannya juga sama-sama menikmati kemajuan ini kerana hasil kutipan cukai, termasuk cukai korporat dan cukai pendapatan semuanya dikembalikan kepada Kerajaan Persekutuan.

29. Hak-hak dan keistimewaan Sarawak ini adalah apa yang dipersetujui oleh bapa-bapa kemerdekaan kita pada 1963 dan bukanlah perkara-perkara baharu atau tuntutan semata-mata. Semua pihak harus menghormati perjanjian ini seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, MA63 dan Laporan-Laporan Antara Kerajaan (IGC Report). Janganlah lagi timbul keadaan seperti yang dinyatakan oleh mendiang Tun Jugah, "*Anang baka tebu, manis di pun tabar di ujung*" atau "Jangan seperti tebu, manis di pangkal, tawar di hujung".

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati,

EKONOMI BERPENDAPATAN TINGGI TERUS KEKAL

30. Saya sebagai Premier amat bersyukur bahawa Sarawak terus diiktiraf oleh Bank Dunia sebagai **kawasan berpendapatan tinggi pada tahun 2023.**

31. Bank Dunia Malaysia telah mengesahkan bahawa Sarawak masih mengekalkan status sebagai kawasan berpendapatan tinggi dengan tahap GNI pada USD17,000 berbanding USD15,000 pada tahun sebelumnya.

32. Dengan pendekatan yang bukan-konvensional, Sarawak boleh menentukan hala tuju ekonominya sendiri yang berkisar pada inisiatif-inisiatif ke arah ekonomi yang berkait rapat dengan usaha sejagat menangani perubahan iklim.

33. Ini terbukti apabila Sarawak menjadi kawasan pertama di negara ini yang telah mengorak langkah untuk menggerakkan ekonominya ke arah ekonomi hijau dan transisi kepada tenaga yang bersih daripada karbon di samping memberi nilai tambah kepada sumber asli negeri ini. Dasar ekonomi hijau ini telah mengetengahkan banyak peluang untuk mentransformasikan ekonomi negeri ini dari segi mempertingkatkan pelaburan asing dan tempatan seperti yang sedang dan akan berlaku di Bintulu ini.

34. Pada petang tadi saya telah melakukan pembukaan rasmi Loji Methanol pertama milik penuh Sarawak di Tanjung Kidurong dengan tujuan untuk mempertingkatkan nilai tambah gas kita sekali gus menjana ekonomi negeri ini.

35. Tanjung Kidurong akan memperlihatkan lebih banyak pelaburan oleh syarikat-syarikat gergasi seperti Petronas, Shell, Samsung, Sumitomo dan lain-lain dalam tempoh enam hingga 10 tahun akan datang.

36. Saya yakin ekonomi Sarawak akan terus berkembang keseluruhannya dengan pembangunan Tanjung Kidurong sebagai hub industri gas Sarawak dan Samalaju sebagai kawasan industri yang berasaskan penggunaan tenaga yang intensif.

37. Oleh itu, saya juga yakin ekonomi Sarawak akan terus berkembang dalam tempoh sehingga 2030 dan sehingga 2050 dan memperkukuhkan status Sarawak sebagai ekonomi berpendapatan tinggi.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati,

PENGUKUHAN TAHAP PENDAPATAN ISI RUMAH

38. Pengiktirafan daripada Bank Dunia tersebut bukanlah matlamat terakhir Kerajaan GPS pimpinan saya. Tahap GNI yang tinggi tidak bermaksud pendapatan setiap isi rumah rakyat kita tinggi. Keadaan ini tidak harus dipolitikkan tetapi apa yang lebih penting ialah melaksanakan usaha untuk menangani kepincangan

tersebut baik di peringkat negeri mahupun di peringkat persekutuan.

39. Fokus Kerajaan GPS sekarang ialah untuk mempertingkatkan pendapatan pertengahan isi rumah Sarawak (atau *Median Household Income*) yang berada pada tahap RM4,978 berbanding kadar nasional pada tahap RM6,338.

40. Saya amat yakin dengan langkah-langkah untuk mentransformasikan ekonomi Sarawak yang sedang dan akan dilaksanakan, negeri ini akan berupaya untuk mempertingkatkan tahap yang ada sekarang untuk melepasi kadar nasional.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati,

UNVEILING OF ART LIVERY

41. Pada kesempatan ini juga saya ingin membawa tuan-tuan dan puan-puan untuk meninjau reka bentuk akhir atau *the final livery design* kereta ART (Autonomous Rapid Transit) yang akan menjadi sistem pengangkutan awam yang moden di Kuching.

42. ART ini yang menggunakan hidrogen akan membawa transformasi kepada sistem pengangkutan awam di Sarawak dengan permulaannya

di Kuching dengan pelaksanaan Kuching Urban Transportation System Project.

43. Pada ketika ini, Sarawak Metro sedang gigih melaksanakan kerja-kerja untuk menyediakan landasan khas, stesen perhentian dan depo untuk ART tersebut bagi Kuching dan Kota Samarahan.

44. Beberapa reka bentuk telah di dicadangkan oleh Kementerian Pengangkutan Sarawak dan Sarawak Metro tetapi hanya satu sahaja yang dipilih untuk menggambarkan aspirasi dan keperkasaan Sarawak.

45. Pada hari ini yang penuh bermakna bagi semua anak Sarawak, saya berasa begitu bangga untuk berkongsi visual mengenai rupa dan reka bentuk akhir ART tersebut

(ART Visual unveiled)

46. Pada ketika ini kereta-kereta ART tersebut sedang dihasilkan di China dan kereta pertama dijangka tiba di Kuching pada penghujung tahun ini, Insyallah.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati,

PENUTUP

47. Untuk mengakhiri ucapan ini, saya mengajak rakyat Sarawak untuk terus bersatu dalam menempuh segala cabaran yang mungkin dihadapi untuk mencapai impian kita semua untuk membina Sarawak yang progresif dari segi ekonomi, inklusif dari segi sosial dan lestari dari segi pemeliharaan alam sekitar sejajar dengan tonggak Strategi Pembangunan Pasca-Covid-19 2030 atau PCDS 2030.

48. Saya ingin sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Tun dan Toh Puan yang sudi hadir bersama rakyat jelata untuk memeriah dan memberi lebih makna kepada majlis kita pada malam ini.

49. Tahniah sekali lagi kepada Jawatankuasa Pengelola di bawah pimpinan Dato Sri Dr. Stephen Rundi yang telah membuat persediaan yang rapi bagi majlis yang penuh keceriaan sempena sambutan Hari Sarawak 2024.

50. Akhir kata, saya mengucapkan selamat menyambut Hari Sarawak kepada seluruh rakyat Sarawak dengan iringan doa agar Sarawak terus maju dan makmur.

51. Sekian, wabilahhi taufik walhidayah salam waalaikum warahmatulahi wabarakatuh.